

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL. 3/2014

=====

PENGENAAN KADAR ROYALTI BARU BAGI BAHAN BATUAN *GRANITE*
(KUARI) DI NEGERI SELANGOR

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berkenaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengenai **Kadar Baru Bagi Bahan Batuan iaitu *Granite* (Kuari)** selaras dengan kelulusan **MMKN Ke 45/2014** pada **19 November 2014** berhubung Cadangan Pengenaan Kadar Baru Bagi Royalti Bahan Batuan *Granite* (Kuari) Di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 **Pekeliling PTGS Bil.13/2010** telah dikeluarkan berdasarkan keputusan **MMKN ke 31/2010** berkenaan kadar baru royalti bagi bahan batuan kuari iaitu **RM5.20 per meter padu (RM 2.00 per metrik tan)** berkuat kuasa **1 September 2010**;

- 2.2 **MMKN ke 24/2014** pada **25 Jun 2014** telah bersetuju mewujudkan **Pasukan Task Force Kuari** untuk mengkaji mekanisma yang bersesuaian untuk **meningkatkan hasil kutipan kerajaan Negeri Selangor** berdasarkan harga jualan semasa produk kuari dan kos yang terlibat dalam operasi kuari-kuari di Negeri Selangor;
- 2.3 **MMKN 31/2014** pada **20 Ogos 2014** telah menimbang dan meluluskan cadangan dasar oleh Pasukan Task Force Kuari berkenaan Cadangan Penambahan Pendapatan Kerajaan Negeri Berasaskan Aktiviti Pengkuarian Bahan Batuan Mengikut Konsep Perkongsian Keuntungan; dan
- 2.4 Lanjutan itu, suatu **Kertas MMKN No.7/44/2014** bertarikh **12 November 2014** yang telah disahkan oleh **MMKN ke 45/2014** pada **19 November 2014** telah menimbang dan meluluskan **Cadangan Pengenaan Kadar Baru Bagi Royalti Bahan Batuan Granite (Kuari) Di Negeri Selangor** yang merupakan salah satu syor yang terkandung di dalam Cadangan Penambahan Pendapatan Kerajaan Negeri Berasaskan Aktiviti Pengkuarian Bahan Batuan Mengikut Konsep Perkongsian Keuntungan.

3. KADAR BARU BAGI ROYALTI BAHAN BATUAN GRANITE (KUARI)

3.1 Berikut adalah kadar baru royalti bahan batuan granit yang telah diluluskan oleh MMKN ke 45/2014 pada 19 November 2014 seperti di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Kadar Fi

Perihal Kaedah 24, Kaedah Kaedah Tanah Selangor	Kadar Lama		Kadar Baru	
	RM per Metrik Tan (MT)	RM per Meter Padu (M ³)	RM per Metrik Tan (MT)	RM per Meter Padu (M ³)
<i>l. Rock, Stone or Granite in Any Form</i>	2.00	5.20	3.90	10.15

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan permit bahan batuan *granite* (kuari) sahaja yang melibatkan permohonan baru, permohonan pembaharuan permit dan kelulusan sedia ada; dan

Bil.(4)dlm.PTGS/CR01/00/2000 Jld.

4.2 Pelaksanaan arahan dan pengenaan kadar royalti baru di dalam pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 1 November 2014.**



(DATO' KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S., S.I.S., A.I.S., P.P.T

Pengarah Tanah Galian Selangor.

Bertarikh: 16.12.2014